

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN**  
**IDRIS[JERANTUT]**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah bentuk tindakan yang boleh diambil terhadap peniaga yang mengenakan cukai perkhidmatan dan bagaimanakah tindakan diambil untuk mengatasinya.**

## **JAWAPAN:**

### **Tuan Yang Di-Pertua**

Kementerian telah mewartakan peraturan P.U (A) 79 bertarikh 23 April 2015 berkenaan Penandaan Caj Perkhidmatan Bagi Hotel Dan Restoran di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 untuk melindungi pengguna. Peraturan tersebut mensyaratkan supaya semua hotel dan restoran yang mengenakan caj perkhidmatan mempamerkan notis pengenaan caj tersebut untuk memberikan makluman kepada pengguna.

Mana-mana peniaga yang gagal mematuhi arahan paparan notis boleh diambil tindakan di bawah 5, P.U.(A) 79 Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Caj Perkhidmatan bagi Hotel dan Restoran) 2015 dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00